

Semua Pihak Berganding Bahu Perangi COVID-19




Oleh: Rabiatuladawiyah Haron

Universiti Sains Islam Malaysia

Diterbitkan pada 20 Jun 2021

Dalam masa tidak sampai dua tahun, keadaan dunia yang kita diami sekarang adalah jauh berbeza berbanding sebelumnya.

Kita mengalami gelombang krisis pandemik COVID-19 mulai penghujung 2019 di Wuhan, China yang seterusnya mengubah kehidupan seluruh masyarakat dunia.



Virus COVID-19

Sumber: Internet

Pandemik COVID-19 yang berlaku di negara ini semakin melarat dan virus tersebar luas. Hal ini berlaku berikutan kewujudan varian-varian baharu yang lebih ganas dengan kadar kebolehjangkitan yang tinggi dan pantas.

Walaupun negara kita kini berada pada tahap kritikal, kesedaran segelintir rakyat terhadap bahaya COVID-19 masih di tahap rendah.

Mereka seolah-olah tidak endah dan tidak peka dengan kejadian-kejadian yang berlaku akibat penularan wabak COVID-19.

Masih ada yang tidak mempercayai kewujudan makhluk kecil ini, ada yang mengatakan ia dicipta oleh pihak tertentu.

Ada juga yang berpandangan, penyakit ini tidak berbahaya dan ia hanyalah konspirasi semata-mata.

Saya sendiri merupakan bekas pesakit COVID-19. Saya mula mendapat simptom pada 15 Mei lalu dan menjalani kuarantin di rumah selama 11 hari. Bagi saya, ia merupakan satu tempoh yang cukup panjang.

Beberapa ahli keluarga yang lain turut dijangkiti penyakit ini. Kakak sulung saya dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU) berikutan keadaannya yang kritikal pada peringkat awal.

Kakak saya 'ditidurkan' dan memerlukan alat bantuan pernafasan. Menerima panggilan daripada doktor yang memaklumkan agar setiap ahli keluarga bersiap sedia menerima sebarang kemungkinan yang akan terjadi adalah detik yang perit bagi kami semua.

COVID-19 benar-benar wujud, saya sendiri merasai dan melihat kesan bahayanya. Saban hari saya melihat dalam paparan berita, kes baharu terus meningkat secara mendadak.

Setiap individu perlu membuka mata dan sedar bahawa COVID-19 bukan perkara yang remeh. COVID-19 merupakan wabak penyakit berbahaya dan boleh meragut nyawa manusia, tidak kira tua atau muda.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memaklumkan, pada 29 Mei 2021, kes positif baharu pada hari tersebut merupakan jumlah tertinggi, iaitu sebanyak 9,020 kes.

Manakala pada 2 Jun 2021 angka kematian tertinggi mencatatkan jumlah 126 kes. Berita ini sangat merisaukan seluruh rakyat.

Pada 28 Mei lalu, Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin telah mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan yang ketiga (PKP 3.0) sebagai usaha kerajaan bagi menangani wabak ini daripada menjadi semakin teruk.

PKP 3.0 dijalankan selama 14 hari mulai 1 Jun hingga 14 Jun 2021 dengan penutupan penuh sektor sosial dan ekonomi atau '*total lockdown*' bagi fasa pertama.

Kita perlu bersama-sama berganding bahu memerangi wabak COVID-19. Rakyat harus berdisiplin dan bertanggungjawab dalam segala perkara.

Waktu ini bukanlah masa untuk kita berbalah dan menyalahkan antara satu sama lain. Sikap menuding jari terhadap orang lain sedangkan kesilapan sendiri tanpa disedari menyebabkan perpaduan masyarakat dalam menangani pandemik COVID-19 kian merosot.

Kita pernah menang sebelum ini di mana jumlah keseluruhan pesakit positif mencatatkan angka sifar. Malangnya, akibat kelalaian sebahagian daripada kita, jangkitan kes baharu melonjak sehingga melebihi angka 9,000.

Memerangi dan menangani pandemik COVID-19 memerlukan usaha semua pihak, bukan sahaja daripada kerajaan dan swasta.

Malah, segenap lapisan masyarakat harus bersama-sama menjalani kehidupan dalam norma baharu dengan lebih berdisiplin.



Petugas barisan hadapan sedang menjalankan tugas.

Sumber: Internet

Semua rakyat dan para pemimpin perlu bersatu hati dalam memastikan kita menang sekali lagi. Kasihanilah para petugas barisan hadapan terutama petugas kesihatan yang bertungkus lumus menyelamatkan nyawa rakyat.

Sekiranya lengkuk penularan COVID-19 berjaya dilandaikan semula, kita tidak seharusnya mudah berasa selesa. Kita hendaklah terus berjaga-jaga bagi memastikan gelombang keempat tidak akan berlaku.